

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA MPSP
MAJLIS PENYERAHAN SIJIL KELAYAKAN MENDUDUKI
TAMAN MURAI JAYA, SIMPANG AMPAT, SPS
26 JUN 2016 (AHAD), 9:00 PAGI
LORONG MURAI JAYA 8, TAMAN MURAI JAYA, SPS**

Terima kasih Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng

Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau
Pinang**

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Sr Hj Rozali Bin Mohamud

Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Pegawai-Pegawai MPSP

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian

.....
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Selamat Petang

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama pada pagi ini untuk Majlis Penyerahan Sijil Kelayakan Menduduki Taman Murai Jaya Fasa 2, Simpang Ampat, SPS. Terlebih dahulu saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri kerana sudi hadir pada majlis pagi ini.

Untuk makluman YAB, YB dan Para hadirin sekalian, terdapat sebanyak 7 projek perumahan terbengkalai di seluruh Seberang Perai iaitu 3 di daerah SPU, 2 di daerah SPT dan 2 di daerah SPS. Projek-projek yang

terbengkalai ini mengundang masalah kesihatan kepada penduduk sekitar dimana banyak kes denggi berlaku dikawasan yang terdapat projek terbengkalai.

PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI SEBERANG PERAI					
BIL	PROJEK	DAERAH	PEMAJU	BIL UNIT	STATUS TERKINI
PROJEK MASIH TERBENGKALAI					
1	TMN. SINGGAHSANA PUTERA	SPU	BAGAN MASYHUR S/B	9	masih terbengkalai
2	MENGGUANG HEIGHTS	SPT	SRI JELUDA S/B	80	projek dalam pembinaan semula 90%
3	TMN. ORKID INDAH	SPU	SRI JELUDA S/B	71	telah disiapkan dan telah mendapat OC
PROJEK YG TELAH DIPULIHKAN					
4	TMN. SURIA	SPS	PRIMAWANGI S/B	50	telah disiapkan dan telah mendapat OC
5	TMN. TELUK AIR TAWAR	SPU	WELCOME PROPERTIES	1289	rumah pangsa telah dikeluarkan oc manakala yang lain masih dalam pembinaan.
PROJEK TERBENGKALAI TANPA OC					
6	TMN. MALWIRA	SPT	ALUNAN OMBAK S/B	77	oc telah dikeluarkan
7	TMN. WIDURI	SPS	DIAMOND GROWTH S/B	33	telah disiapkan dan telah mendapat OC
JUMLAH				1609	

Projek pembangunan Taman Murai Jaya Fasa 2 ini telah terbengkalai dan Syarikat (Magmawise Pathau Sdn Bhd.) telah diletakkan di bawah penerimaan pada 6 Oktober 2010 oleh Malaysia Building Society Berhad (MBSB) dan Tetuan WMS Associates telah dilantik sebagai Receiver & Manager oleh MBSB ke atas aset syarikat tersebut iaitu Taman Murai Jaya Fasa 2. Atas inisiatif WMS Associates, akhirnya 24 unit rumah berkembar 2 tingkat serta 19 unit rumah teres 2 tingkat telah siap dibina

keseluruhannya dan telah mendapat Sijil Kelayakan Menduduki pada 20 Jun 2016.

Untuk makluman YAB, YB dan para hadirin sekalian juga pada 1 Jun 2016 MPSP telah melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa di Punca di seluruh Seberang Perai. Amalan pengasingan sisa di punca yang telah dilaksanakan di banyak negara didapati berkesan untuk mengurangkan sisa yang dijana. Majlis Perbandaran Seberang Perai bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menerajui usaha kitar semula untuk membolehkan negeri kita untuk mencapai kadar kitar semula yang paling tinggi di negara ini. Yang paling penting adalah usaha untuk mengurangkan sisa yang dijana, kemudian asingkan sisa yang dijana kepada sisa yang boleh dikitar semula seperti kertas, plastik, botol, dan sisa baki yang tidak boleh dikitar semula iaitu sisa dapur dan sisa kotor. Saya berharap penduduk Taman Murai Jaya akan bekerjasama dengan MPSP dalam menjayakan Pengasingan Sisa di Punca.

YAB, YB dan Para hadirin sekalian,

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Malaysia Building Society Berhad (MBSB) dan Tetuan WMS Associates yang telah memulihkan projek pembangunan Taman Murai Jaya Fasa 2 dan menyelesaikan isu dengan pembeli seterusnya memohon pengeluaran sijil layak menduduki bagi unit-unit rumah yang siap dibina.

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.